

**TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PROJEK CSR TAMAN REKREASI BUKIT
DO, BUKIT MERTAJAM
9.00 PAGI
4 JUN 2012 (ISNIN)**

Terima kasih Pengacara Majlis

.....

Y.A.B Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Y.B Puan Chong Eng
Ahli Parlimen Bukit Mertajam

Y.B. Tuan Tan Cheong Heng
ADUN Padang Lalang

Y.B. Tuan Lim Hock Seng
EXCO Kerja Raya Utiliti, (Tenaga, Air, Telekom)
Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi)

Y.B. Ng Wei Aik
ADUN KOMTAR

Wakil Pengurus Besar
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran MPSP

Wakil-wakil JKKK Seberang Perai Tengah

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-Rakan Pemberita

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh

Selamat pagi dan salam sejahtera

.....

Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama-sama menghadiri Majlis Pelancaran Projek CSR Taman Rekreasi Bukit DO, Bukit Mertajam pada pagi ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng kerana telah sudi untuk hadir dan seterusnya merasmikan Majlis Pelancaran Projek CSR Taman Rekreasi Bukit DO, Bukit Mertajam ini.

Ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Pelancaran Projek CSR Taman Rekreasi Bukit DO, Bukit Mertajam pada pagi yang mulia ini.

Y.A.B, Y.Bhg., Tuan-tuan dan Puan-puan,

Untuk makluman semua, sehingga bulan Mei 2012, MPSP sedang giat menjalankan 12 projek CSR Landskap di kawasan sekitar Seberang Perai. 12 projek CSR Landskap tersebut adalah seperti berikut:

1. Vision Park, Bertam, SPU
2. Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, SPU
3. Bulatan Bandar Perda, SPT
4. Taman Tunku, Seberang Jaya, SPT
5. Bulatan Bukit Minyak A, SPT
6. Bulatan Bukit Minyak B, SPT
7. Bulatan Bukit Tengah, SPT
8. Autocity, Juru, SPT
9. Bulatan Seberang Jaya, SPT
10. Bulatan Tenggara, Seberang Jaya, SPT
11. Bulatan Bandar Putra Bertam, SPU dan yang terakhir
12. Bukit DO, SPT.

Daripada 12 projek yang dinyatakan sebentar tadi, Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan di SPU telah dirasmikan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada 9 Januari 2012 yang lalu. Projek CSR Lanskap di Bulatan Bandar Perda telah siap pada April 2012. Manakala untuk Projek CSR di Taman Tunku, Seberang Jaya, projek ini dijangkakan akan siap pada pertengahan bulan Jun 2012. Untuk projek-projek CSR Landskap yang lain, ia masih dalam peringkat penyediaan pelan cadangan oleh pihak penaja.

Projek CSR Lanskap di Bukit DO yang akan dirasmikan pada hari ini, merupakan sebuah kawasan yang diwartakan sebagai Taman Rekreasi untuk kegunaan orang awam. Dengan keluasan keseluruhan 10.10 ekar, pembangunan ini adalah berkonsepkan " Destinasi Rekreasi Awam Untuk Semua" yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan seperti :

- Laluan Berbasikal
- Jogging Track
- Alatan Senaman
- Tandas
- Kawasan Tempat Letak Kenderaan

Bukit DO ini dibangunkan secara CSR dan akan ditaja oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBA). Tarikh pelaksanaan adalah dijangka bermula pada bulan September 2012 dan dijangka siap pada Mac 2013. Anggaran kos yang terlibat adalah sebanyak RM2 juta.

Y.A.B, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Bila menyentuh kepada topik CSR atau tanggungjawab sosial korporat, ianya bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia. Rata-rata semua agensi kerajaan, syarikat ataupun individu telah pun memainkan peranan

penting dalam menyalurkan tanggungjawab sosial masing-masing dalam program-program pemeliharaan alam sekitar dan program-program komuniti.

Projek “Corporate Social Responsibility” yang berkonsepkan taman rekreasi merupakan satu platform bagi menyemarakkan budaya riadah, sukan serta aktiviti dalam komuniti yang mana secara tidak langsung, dijadikan asas penting dalam interaksi sosial, hubungan dan ikatan dalam masyarakat, dan yang lebih penting adalah ikatan setia antara kerajaan dan individu atau syarikat untuk bekerjasama menjayakan taman rekreasi ini. Ini selari dengan Fokus 2012 MPSP, menggalakkan Eko-Komuniti.

Kewujudan projek ini bukan sahaja bertambahnya kemudahan untuk orang ramai tetapi juga ia mengutamakan amalan beriadah untuk semua golongan masyarakat untuk menjadi masyarakat yang sihat dari segi rohani dan juga jasmani. Penyediaan prasarana ini diharapkan mampu mengurangkan masalah kurangnya lokasi sesuai yang dihadapi oleh masyarakat setempat untuk beriadah, bersukan serta melakukan aktiviti fizikal seharian.

Taman Rekreasi Bukit DO ini khusus untuk kegunaan penduduk-penduduk di kawasan ini. Jadi marilah kita menanamkan di dalam diri kita kesedaran hak milik bersama dan tanggungjawab bersama ini. Bersama-sama lah juga kita menjaga kebersihan, peralatan dan kemudahan yang telah disediakan di taman rekreasi ini yang turut menjadi kepentingan bersama kita agar ia kekal terpelihara seperti sediaadanya. Janganlah terdapat elemen “vandalism” yang berlaku di Taman Rekreasi Bukit DO. Oleh yang demikian, Majlis meminta pertolongan daripada penduduk di sekitar kawasan ini supaya dapat membantu MPSP dalam bersama-sama menjaga kemudahan-kemudahan disini.

Akhir kata saya mengharapkan projek ini akan dijalankan dengan jayanya dan dapat digunakan oleh semua golongan masyarakat. Kemudahan-kemudahan yang kita sediakan ini diharapkan dapat dijaga oleh semua pengguna dan diharapkan agar tidak berlakunya aktiviti vandalisme di sini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.